

17/05/2001

Ahmad Razali: Dari penghulu ke Menteri Besar

Kadir Dikoh

"SIAPA lah nak dengar cakap saya." Itulah antara kata-kata Allahyarham Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali ketika dihubungi kira-kira dua bulan lalu dengan pendirian tidak mahu membuat sebarang ulasan berkaitan isu politik semasa.

Apabila dihubungi lagi selepas itu, Allahyarham yang dilantik menganggotai Lembaga Disiplin Umno, enggan membuat sebarang kenyataan berkaitan siasatan terhadap ahli parti yang didakwa mengamalkan politik wang.

Pendiriannya ialah biar pengerusi lembaga itu, Tengku Ahmad Rithauddeen saja membuat ulasan bagi mengelak percanggahan atau kekeliruan.

Allahyarham amat berhati-hati dan sikapnya yang mahu membuat kerja tanpa publisiti menyebabkan beliau jarang terperangkap dalam isu kontroversi.

Di kalangan anak pasangan Mohd Ali Taib dan Siti Khadijah Ahmad, taraf pendidikan Allahyarham dikira tidak seberapa kerana hanya bersekolah Inggeris hingga darjah lapan, berbanding beberapa abang, kakak dan adiknya yang berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke luar negara.

Namun, kekurangan itu tidak sekali-kali melemahkan semangat atau membuat Ahmad Razali berasa rendah diri. Sebaliknya, ia dianggap cabaran kepada Allahyarham untuk melipatgandakan usaha bagi membolehkannya berdiri sama tinggi dengan adik-beradik lain.

Hasilnya, pencapaian Allahyarham tidak kurang hebat berbanding adik beradik lain. Beliau dilantik menduduki kerusi Menteri Besar Selangor untuk penggal 1982 dan 1986, sekali gus melengkapkan kegemilangan keluarga Mohd Ali.

Dalam temuramah dengan Harian Metro pada Disember 1998, Allahyarham antara lain pernah menyatakan:

"Saya bertekad untuk membuktikan sijil atau ijazah bukanlah penentu mutlak kejayaan hidup. Berkat usaha gigih, Alhamdulillah, tekad itu akhirnya berjaya saya capai."

Umum mengetahui kehebatan anak pasangan Mohd Ali dan Siti Khadijah Ahmad yang mencipta nama tersendiri dalam pelbagai bidang.

Antaranya, Datin Seri Dr Siti Hasmah (isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad); Allahyarham Tun Ismail (bekas Gabenor Bank Negara), Tan Sri Hashim (bekas Panglima Angkatan Tentera); Datuk Paduka Siti Saleha (tokoh kaum ibu Umno 1950-an dan ahli korporat), Datuk Jaafar (ahli korporat).

Bapa mereka, Mohd Ali amat mementingkan pendidikan dan sebab itu ramai anaknya belajar hingga ke luar negara. Ahmad Razali, biarpun gagal mengikut jejak mereka, tidak putus asa dan berusaha dengan cara tersendiri.

Bagaimanapun, orang yang bertanggungjawab membawanya ke dunia politik, sekali gus membuka lembaran baru hidup Allahyarham ialah bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris yang melantiknya sebagai setiausaha politik pada 1964.

Sebelum itu, ketika Umno ditubuhkan pada 1946, Allahyarham hanya ahli biasa. Dua tahun kemudian, beliau menjadi setiausaha Umno cawangan Pudu tetapi berhenti seketika dalam politik kerana dilantik penolong penghulu Kuala Lumpur pada 1951.

Sejak itu jawatan penghulu adalah kerjayanya. Pada 1952 Allahyarham menjadi penghulu Ulu Klang dan Ampang selama 10 tahun sebelum menjadi penghulu Setapak pada 1962.

Sebagai penghulu, Ahmad Razali sangat popular di kalangan penduduk

setempat kerana sikap mesranya dan dia dikenali di kalangan pemimpin Selangor kerana aktif dalam pelbagai aktiviti anjuran kerajaan negeri.

Allahyarham mencatat sejarah sebagai penghulu paling muda di Malaysia kerana memegang jawatan itu pertama kalinya ketika berusia 24 tahun. Keaktifan dan ciri kepemimpinannya yang begitu menyerlah itulah menarik perhatian Harun untuk melantiknya setiausaha politik.

Pelantikan itu sekali gus kembali membawa Allahyarham ke dalam dunia politik kerana sebelumnya, sebagai penghulu, beliau perlu berkecuali dan dilarang berpolitik.

Ahmad Razali dipilih Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Selangor kawasan Kampung Baru selepas menang pilihan raya umum 1969, seterusnya Adun Dengkil pada 1974 sebelum menjadi Timbalan Menteri Besar pada 1976.

Empat tahun kemudian Allahyarham diberi kepercayaan menjadi Menteri Besar. Meskipun memegang jawatan itu tidak lama iaitu hanya empat tahun beliau tetap berpuas hati kerana sempat menyumbang sesuatu untuk kemajuan Selangor.

Antara jasa besar Allahyarham terhadap penduduk Selangor ialah membina stadium dan masjid negeri di Shah Alam yang hingga kini kekal menjadi mercu tanda kebanggaan, bukan saja bagi penduduk Selangor malah juga rakyat Malaysia.

"Banyak halangan yang saya lalui sebelum berjaya membina dua mercu tanda itu. Ramai menganggapnya projek membazir. Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menegur dan memanggil saya, bertanya kenapa nak buat stadium yang besar sangat.

"Selepas saya terangkan secara terperinci bahawa stadium serta masjid itu untuk jangka panjang dan kepentingannya bukan hanya untuk penduduk Selangor, dia akhirnya bersetuju. Terbukti, dua mercu tanda itu bukanlah satu projek membazir kerana ia memang satu keperluan," kata Allahyarham dalam satu temu ramah dua tahun lalu.

Selepas bersara daripada politik, Allahyarham dilantik menduduki kerusi pengerusi beberapa syarikat termasuk Pengerusi Lembaga Urusan Tabung Haji. Beliau juga dilantik menganggotai Lembaga Disiplin Umno yang dipengerusikan Tengku Ahmad Rithauddeen.

Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat. Al-Fatihah.